PENDAKWA RAYA

lwn.

ZULKIFLI ZAMRI & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KOTA BHARU
ARIFFIN ZAKARIA PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 47-9-1989]
30 APRIL 1992

PROSEDUR JENAYAH: *Dadah berbahaya - Pemilikan dadah - Kedua tertuduh didakwa di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta) dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta tersebut - Kebolehkepercayaan saksi pendakwa ditimbulkan - Hakim setelah mendengar penjelasan saksi tersebut memutuskan bahawa kebolehpercayaannya tidak tercabar - Peguam tertuduh kedua membantah terhadap rakaman percakapan beramaran yang dikemukakan - Untuk menentukan samada percakapan beramaran tertuduh kedua adalah dibuat secara sukarela ataupun tidak - Mahkamah memutuskan bahawa tidak ada amaran yang betul atau sempurna diberikan kepada tertuduh kedua sebelumnya percakapannya dirakamkan - Keraguan terhadap samada percakapan yang dirakamkan adalah sepenuhnya percakapan tertuduh kedua atau pun tidak - Ada unsur-unsur dorongan, ugutan dan janji yang datangnya dari seorang yang berkuasa supaya ia memberikan percakapan beramaran - Isu samada terdapatnya "A well grounded suspicion based on the facts and surrounding circumstances" dan bukannya samada cerita tertuduh boleh dipercayai - Pendakwa gagal mengemukakan sebarang keterangan berhubung dengan penjagaan dan kawalan barang kes semasa ianya berada di dalam simpanan Jabatan Kimia - Kegagalan tersebut menyebabkan terputusnya rangkaian keterangan yang serius - Pihak pendakwa gagal membuktikan kes prima facie terhadap kedua-dua tertuduh - Mereka dibebaskan daripada tuduhan tersebut.*

Kedua tertuduh didakwa di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah s. 39(B) Akta yang sama. Mereka bersama-sama menghadapi pertuduhan memiliki dadah berbahaya iaitu kanabis seberat 1,154.8 gram untuk tujuan diperedarkan.

Setelah mendengar kes pendakwa, Mahkamah telah memutuskan bahawa pihak pendakwa telah gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap kedua-dua tertuduh.

Diperingkat kes pendakwa, dua perkara dibangkitkan iaitu: kebolehkepercayaan saksi pendakwa dan samada percakapan beramaran tertuduh kedua adalah dibuat secara sukarela ataupun tidak.

Pihak peguambela mencabar kebolehpercayaan saksi pendakwa (SP2) dengan alasan terdapat percanggahan di antara keterangannya di Mahkamah dan laporan polis. Di Mahkamah SP2 telah mengatakan bahawa pemeriksaan beg yang didapati mengandungi dadah tersebut telah dibuat atas bas oleh Kon. Saruan manakala dalam laporan polis beliau mengatakan yang ia telah memeriksa beg tersebut dihadapannya dengan disaksikan oleh anggota polis lain. Di dalam laporan dia tidak mengatakan bahawa beg tersebut telah diperiksa terlebih dahulu di atas bas oleh Kon. Saruan.

Setelah menimbang penjelasan SP2, Mahkamah berpuashati dengan penjelasannya dan seterusnya memutuskan bahawa kebolehpercayaannya adalah tidak tercabar.

Dalam isu samada rakaman percakapan beramaran yang dikatakan dibuat oleh tertuduh kedua adalah dibuat secara sukarela ataupun tidak, Mahkamah setelah mengadakan suatu perbicaraan dalam perbicaraan memutuskan bahawa percakapan beramaran tersebut tidak boleh diterima

sebagai keterangan. Amaran yang telah diberikan kepada tertuduh sebelum percakapan beramaran dirakamkan adalah defektif oleh kerana tidak memenuhi syarat yang terkandung di dalam s. 37A(1)(b) Akta. Amaran yang demikian membuatkan seseorang yang tidak biasa dengan amaran tersebut tidak boleh memahaminya dengan jelas. Tidak ada amaran yang betul atau sempurna yang telah diberikan kepada kedua tertuduh.

Juga diragui samada percakapan yang dirakamkan adalah sepenuhnya percakapan tertuduh kedua ataupun tidak. Mahkamah juga berpendapat terdapat unsur-unsur dorongan, ugutan dan janji yang datangnya dari pihak kuasa supaya tertuduh kedua memberikan percakapan beramaran. Mahkamah juga berpendapat bahawa pendakwa gagal membuktikan sehingga tanpa keraguan yang munasabah bahawa percakapan beramaran telah dibuat dengan sukarela tanpa sebarang dorongan, ugutan atau janji. Soal di sini bukannya samada cerita tertuduh kedua boleh dipercayai tetapi samada terdapatnya "A well-grounded suspicion based on the facts and surrounding circumstances".

Berdasarkan alasan-alasan di atas, Mahkamah telah menolak percakapan beramaran tersebut daripada diterima sebagai keterangan.

Pendakwa gagal untuk mengemukakan sebarang keterangan berhubung dengan penyimpanan barang kes semasa ianya di simpan oleh Jabatan Kimia, Kuala Terengganu. Kegagalan pendakwa mengemukakan keterangan tersebut telah menyebabkan terputusnya rangkaian keterangan yang serius. Adalah perlu bagi pendakwa untuk membuktikan bahawa sepanjang masa sebelum barang kes dikemukakan kepada Mahkamah sebagai barang kes, ianya sentiasa berada di dalam jagaan yang baik dan selamat.

Berdasarkan alasan-alasan di atas, Mahkamah mendapati pendakwa gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap kedua-dua tertuduh.

Diputuskan:

[1] Amaran yang diberikan kepada tertuduh kedua adalah defektif dan tidak memenuhi apa yang terkandung di dalam s. 37A(1)(b) Akta. Tidak ada amaran betul atau sempurna yang telah diberikan kepada tertuduh kedua sebelum percakapan beramaran tersebut dirakamkan. Tidak semua percakapan amaran tersebut adalah perkataan-perkataan tertuduh kedua.

[2] Mahkamah juga berpendapat terdapat unsur-unsur dorongan, ugutan dan janji yang datangnya dari pihak berkuasa supaya tertuduh kedua memberikan percakapan beramaran.

[3] Mahkamah putuskan bahawa pihak pendakwa telah gagal untuk membukti tanpa sebarang keraguan yang munasabah bahawa percakapan amaran yang diberikan oleh tertuduh kedua adalah diberi dengan sukarela.

[4] Mahkamah berpendapat adalah perlu bagi pendakwa untuk membuktikan bahawa sepanjang masa sebelum barang kes di kemukakan pada Mahkamah sebagai barang kes, ianya sentiasa berada dalam jagaan yang baik dan selamat. Kegagalan pendakwa berbuat demikian dalam kes ini telah menyebabkan terputusnya rangkaian keterangan yang serius.

[5] Berdasarkan alasan-alasan di atas Mahkamah dapati pendakwa gagal buktikan kes *prima facie* terhadap kedua-dua tertuduh dan seterusnya membebaskan mereka daripada dua tuduhan yang dikemukakan.

[Pendakwa gagal membuktikan kes prima facie. Kedua tertuduh dibebaskan.]

Kes-kes yang dirujuk:
Muthusamy lwn. PR [1948] MLJ 57 ***(diikuti)***
Dato' Mokhtar b. Hashim lwn. PR [1983] CLJ (Rep) 101 ***(diikuti)***
PR lwn. Ibrahim bin Mantari [1980] 2 MLJ 188 m.s. 189 ***(diikuti)***
Din b. Yahya lwn. PR Mahkamah Agung Rayuan Jenayah No. 05-79-89 ***(diikuti)***
Tan Too Kia lwn. PR [1980] 2 MLJ 187 ***(diikuti)***
Mohd Yusof lwn. PR [1983] 2 MLJ 167
Teoh Hoe Chye lwn. PR [1987] CLJ (Rep) 386 ***(diikuti)***
Mohd Osman b. Pawan lwn. PR [1989] 1 CLJ (Rep) 108 ***(diikuti)***
Abdullah lwn. PR [1991] CLJ (Rep) 5 ***(diikuti)***
Yeong Kia Heng lwn. PR [1992] 1 CLJ (Rep) 372 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Akta Dadah Berbahaya 1952, ss. 37(A)(1)(b), (3), 39B(1)(a), (2)

Bagi pihak pendakwa - Amirudin b. Abd. Rahman
Bagi pihak tertuduh No. 1 - Abd. Aziz b. De Rashid; T/n. Abdul De Rashid & Co.
Bagi pihak tertuduh No. 2 - Amir b. Md. Zain; T/n. Yusof Nor & Co.

PENGHAKIMAN

Ariffin Zakaria PK:

Kedua-dua tertuduh telah dihadapkan ke Mahkamah di atas pertuduhan sepertimana berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 6hb Januari 1989, jam lebih kurang 2.00 petang, di dalam sebuah bas Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan No. Pendaftaran DF 8043 di hadapan Kedai Chua Kee Seng, Jalan Merdeka, Rantau Panjang, di dalam Daerah Pasir Mas, di dalam Negeri Kelantan telah didapati di dalam milik kamu dadah berbahaya iaitu "Kanabis" seberat 1,154.8 gram untuk tujuan diperedarkan. Oleh yang demikian kamu bersama-sama telah melakukan suatu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

Kes pendakwa ialah, pada 6 Januari 1989 Sjn. Mejar Fadzil bin Hj. Sidek (SP2) dan lima orang anggota polis telah menjalankan operasi cegah jenayah yang mirip kepada pemeriksaan pendatang-pendatang asing tanpa dokumen perjalanan di kawasan stesyen bas, pekan Rantau Panjang. Pada jam kira-kira pukul 1.55 petang datang seorang lelaki (tertuduh kedua) dari arah jalan besar menuju ke tempat di mana pemeriksaan dijalankan. Tertuduh kedua telah ditahan oleh Sjn. Mejar Fadzil kerana tidak membawa kad pengenalan. Kira-kira 5 minit kemudian datang pula tertuduh pertama dari arah yang sama. Dia membawa sebuah beg berwarna hitam (P23) yang disangkutkan di bahu kanannya. Tertuduh pertama mengemukakan kad pengenalan sementara. Setelah butir-butir kad pengenalan diambil tertuduh pertama dikatakan telah, dengan tergesa-gesa, meninggalkan tempat pemeriksaan menuju ke arah bas. Apabila Sjn. Mejar Fadzil diberitahu bahawa beg tertuduh pertama belum diperiksa oleh anggotanya, beliau telah mengarahkan Kon. Saruan bin Mahat (SP3) pergi ke atas bas yang berkenaan untuk membuat pemeriksaan ke atas beg yang dibawa oleh tertuduh pertama.

Apabila diperiksa isi kandungan beg yang dibawa oleh tertuduh pertama, Kon. Saruan telah mendapati didalamnya, di antara lain, tiga bungkusan yang disyaki mengandungi ganja. Kon. Saruan telah membawa tertuduh pertama kepada Sjn. Mejar Fadzil. Kemudian tertuduh pertama dan kedua telah di bawa ke Balai Polis Rantau Panjang. Pada keesokan harinya (7 Januari 1989) tertuduh kedua telah dihadapkan ke Mahkamah Pasir Mas di atas kesalahan tidak membawa kad pengenalan. Setelah membayar denda, tertuduh kedua telah dibebaskan. Apabila disyaki terdapat hubungan di antara tertuduh pertama dengan tertuduh kedua di dalam kes ini, tertuduh kedua telah, kemudiannya, ditangkap semula oleh pihak polis.

Setelah diperiksa dan dianalisa oleh Jabatan Kimia, adalah disahkan bahawa daun-daun kering

yang dijumpai didalam beg yang dibawa oleh tertuduh pertama adalah ganja (kanabis) seperti yang ditafsirkan di dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 ("Akta"). Jumlah berat bersih ganja itu adalah 1,154.8 gram.

Diakhir kes pendakwa, Mahkamah telah memutuskan bahawa pihak pendakwa telah gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap kedua-dua tertuduh. Alasan saya berbuat demikian akan saya nyatakan kemudian selepas saya bincang dua perkara yang dibangkitkan di peringkat kes pendakwa iaitu: kebolehpercayaan SP2, dan perbicaraan di dalam perbicaraan untuk menentukan samada percakapan beramaran tertuduh kedua adalah dibuat secara sukarela atau pun tidak.

Kebolehpercayaan SP2

Di peringkat kes pendakwa pihak peguambela telah membuat permohonan untuk mencabar kebolehpercayaan Sjn. Mejar Fadzil (SP2) kerana terdapat percanggahan di antara keterangannya di Mahkamah dan laporan polis (P34).

Percanggahan yang berkenaan ialah di Mahkamah SP2 telah menyatakan bahawa pemeriksaan beg telah dibuat di atas bas oleh Kon. Saruan (SP3) manakala di dalam laporan polis P34 beliau menyatakan:

> Selepas itu saya periksa begnya dihadapannya yang disaksikan oleh anggota saya dan apabila dibuka ...

Di dalam P34 dia tidak menyatakan bahawa beg tersebut telah diperiksa terlebih dahulu di atas bas oleh Kon. Saruan.

Berpandukan kepada kes *Muthusamy lwn. PR* [1948] MLJ 57, Mahkamah telah meneliti keterangannya kepada Mahkamah dan laporan polis (P34) dan memutuskan bahawa terdapat percanggahan yang material di antara kedua-duanya. Dengan itu permohonan peguambela dibenarkan. Seterusnya Mahkamah telah membacakan keterangan SP2 di Mahkamah kepadanya dan juga laporan polis P34. SP2 kemudian diminta memberikan penjelasannya tentang percanggahan yang terdapat. SP2 menyatakan:

> Di dalam repot polis biasa kita membuat laporan jenis kesalahan yang dijumpai iaitu perkara yang penting sahaja di dalam kes. Jika laporan dibuat secara terperinci di dalam polis repot kemungkinan ianya akan memakan 5 - 6 muka kertas. Oleh yang demikian untuk laporan terperinci saya telah pun beri keterangan kepada Mahkamah. Sebab itu saya tidak masukkan dalam repot ini perkara iaitu - pemeriksaan yang dijalankan oleh anggota pemeriksa. Yang saya masukkan hanyalah tangkapan ke atas Zulkifli dan jenis kesalahan iaitu memiliki ganja.

Berdasarkan kepada *Dato' Mokhtar Hashim lwn. PR* [1983] CLJ (Rep) 101 Mahkamah telah menangguhkan keputusannya berhubung dengan kebolehpercayaan SP2 sehingga akhir kes pendakwa.

Setelah menimbang penjelasan yang diberikan oleh SP2 dan mengambil kira keterangan-keterangan lain Mahkamah berpuashati dengan penjelasan yang diberikan oleh SP2 dan seterusnya memutuskan bahawa keboleh-percayaannya SP2 adalah tidak tercabar. Apa yang berlaku disini ialah SP2 di dalam membuat laporan polis telah meninggalkan perkara-perkara tertentu supaya laporan itu tidak menjadi terlalu panjang.

Perbicaraan Dalam Perbicaraan

Semasa Ketua Inspektor Ahmad Kamaruddin bin Abdullah (SP8) memberi keterangan, pihak pendakwa telah mengemukakan satu rakaman percakapan beramaran yang dikatakan dibuat oleh tertuduh kedua kepada Insp. Rosli bin Ismail (PSP13). Di peringkat ini peguam tertuduh kedua telah membantah dengan alasan bahawa percakapan tersebut telah dibuat tanpa sukarela

(involuntary). Mahkamah memerintahkan satu perbicaraan dalam perbicaraan atau *voir dire* diadakan.

Di akhir perbicaraan dalam perbicaraan Mahkamah memutuskan bahawa percakapan beramaran (ID45) tidak boleh diterima sebagai keterangan.

Di dalam menentukan kesukarelaan tertuduh, pertama sekali Mahkamah perlu meneliti kandungan amaran yang telah diberikan kepada tertuduh sebelum percakapan beramaran dirakamkan oleh pegawai perakam. Sekiranya amaran itu sendiri adalah defektif maka seluruh percakapan yang dirakamkan tidak boleh diterima sebagai keterangan.

Di dalam kes ini Insp. Rosli (pegawai Perakam) telah membacakan amaran sepertimana berikut:

> Adalah menjadi kewajipan saya memberi amaran kepada kamu bahawa kamu tidak dipaksa mesti bercakap atau menjawab apa-apa pertanyaan saya tetapi apa-apa juga yang kamu cakapkan samada bagi menjawab kepada pertanyaan saya atau pun tidak maka percakapan kamu itu boleh digunakan sebagai keterangan.

Mengikut keterangan Insp. Rosli amaran itu adalah terjemahannya yang dibuat berdasarkan kepada peruntukan s. 113 Kanun Acara Jenayah yang sama dengan amaran yang terkandung di dalam s. 37A(1)(b) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Bahkan s. 37A(3) Akta memperuntukkan sepertimana berikut:

> 37A(3) Where a statement is purported to be made by a person charged with an offence against this Act under and in accordance with s. 113 of the Criminal Procedure Code, the statement so made shall be deemed to have been made under and in accordance with this section.

Namun begitu apa yang dipersoalkan di sini ialah samada amaran yang diberikan oleh Insp. Rosli kepada tertuduh kedua adalah memenuhi apa yang terkandung di dalam s. 37A(1)(b). Perlu dinyatakan di sini bahawa amaran tersebut tidak semestinya menepati setiap perkataan di dalam amaran yang diperuntukan di dalam s. 37A(1)(b). Bahkan seksyen itu sendiri membolehkan amaran diberi dengan menggunakan perkataan lain yang mempunyai kesan yang sama (words to the like effect). Soalnya ialah samada amaran yang telah dibaca oleh Insp. Rosli boleh tergulung di dalam "words to the like effect" ataupun tidak. Walau apa pun, saya berpendapat sesuatu amaran itu hendaklah jelas maksudnya. Seperti kata Choor Singh, H di dalam *Pendakwa Raya lwn. Ibrahim bin Mantari* [1980] 2 MLJ 188 m.s. 189:

> ... it is essential that this caution should be correctly explained to him in his own language or in a language which he understands.

Jika dibandingkan amaran yang diberikan oleh Insp. Rosli dengan amaran yang diterjemahkan oleh Lembaga Penyelidikan Undang-Undang (Lembaga), (sila lihat kes *Din bin Yahya lwn. Pendakwa Raya*; Mahkamah Agung, Rayuan Jenayah No. 05-79-89) saya dapati perbezaan yang ketara ialah di bahagian pertama amaran iaitu di dalam penterjemahan ungkapan kata-kata "you are not obliged to say anything or to answer any question", ungkapan ini telah diterjemahkan oleh Insp. Rosli sepertimana berikut:

> Kamu tidak dipaksa **mesti** bercakap atau menjawab apa pertanyaan saya ...
> (penekanan dibuat oleh saya).

Ini dibandingkan dengan terjemahan yang dibuat oleh Lembaga sepertimana berikut:

> Kamu tidaklah diwajibkan menyatakan sesuatu atau menjawab apa-apa soalan ...

Pada pendapat saya dengan penambahan perkataan "mesti" selepas perkataan "paksa" ungkapan amaran tersebut telah hilang maksud dan maknanya atau dengan lain perkataan ia menjadikannya susah difahami atau tidak boleh difahami langsung. Soalan yang Mahkamah patut tanya ialah samada seseorang, yang tidak biasa dengan amaran itu, boleh dengan mudah memahaminya apabila amaran itu dibacakan kepadanya atau pun tidak. Di dalam kes ini seperti yang saya katakan di atas, kemasukan perkataan "mesti" selepas perkataan "tidak dipaksa" membuatkan seseorang yang tidak biasa dengan amaran ini tidak boleh memahaminya dengan jelas. Di sini perlu dinyatakan juga bahawa Insp. Rosli di dalam keterangannya ada menyatakan yang ia ada menerangkan kepada tertuduh kedua tentang amaran yang dibacakannya. Tetapi malangnya apa yang diterangkan kepada tertuduh itu tidak dikemukakan kepada Mahkamah, dengan itu penjelasan atau penerangan yang dikatakannya itu, tidak dapat membantu pihak pendakwa.

Dengan ini saya memutuskan bahawa tidak ada amaran yang betul atau sempurna yang telah diberikan kepada tertuduh kedua oleh pegawai perakam sebelum ia merakamkan percakapan beramaran. Penambahan perkataan "mesti" selepas perkataan "tidak dipaksa" menjadikan amaran itu defektif dari segi undang-undang.

Selain daripada itu adalah juga diragui samada rakaman percakapan telah dicatitkan dengan cara yang betul. Ini kerana di dalam pemeriksaan utama pegawai perakam Insp. Rosli, dia ada menyatakan sepertimana berikut:

> S. Adakah Jawapan yang awak tulis di dalam ID45 kesemua sekali dalam bahasa awak?
>
> J. Maksud saya, setengah tu yang saya kurang jelas saya tulis dalam bahasa mengikut fahaman saya.

Ini menimbulkan tandatanya samada percakapan yang dirakamkan adalah sepenuhnya percakapan tertuduh kedua atau pun tidak. Daripada penjelasan Insp. Rosli nampaknya tidak kesemua perkataan di dalam percakapan beramaran itu adalah perkataan-perkataan tertuduh kedua. Dengan itu adalah tidak selamat bagi Mahkamah menerima ID45 sebagai keterangan.

Seterusnya ialah soal kerelaan tertuduh kedua di dalam membuat percakapan beramaran. Adalah menjadi tanggungjawab pendakwa bagi membuktikan sehingga tanpa keraguan yang munasabah bahawa percakapan beramaran telah dibuat dengan sukarela tanpa sebarang dorongan, ugutan atau janji (lihat *Dato' Mokhtar bin Hashim lwn. PR* [1983] CLJ (Rep) 101; *Tan Too Kia lwn. PR* [1980] 2 MLJ 187 m.s. 188). Proviso (a) kepada subseksyen (1) s. 37A Akta adalah berkenaan, ia memperuntukkan sepertimana berikut:

> Provided that no such statement shall be admissible or used as aforesaid -
>
> (a) if the making the statement appears to the Court to have been caused by any inducement, threat or promise having reference to the charge against such person, proceeding from a person in authority and sufficient in the opinion of the Court to give such person grounds which would appear to him reasonable for supposing that by making it he would gain any advantage or avoid any evil of a temporal nature in reference to the proceeding against him;

Hakim Syed Agil Barakbah di dalam kes *Mohd Yusof lwn. PR* [1983] 2 MLJ 167 m.s. 169 pernah menyatakan bahawa:

> The word 'appears' indicates a lesser degree of probability than 'proved' as defined in s. 3. A well-grounded suspicion based on the facts and surrounding circumstances may exclude a confession. Since proof of inducement or threat is difficult and in many cases impossible of attainment at that stage, the discretion of the Court is unfettered by the concrete standard of

proof necessary in other cases. The Court is therefore free to scrutinize the evidence and surrounding circumstances to determine the presence or absence of any threat or inducement, its sufficiency and how it worked in the mind of the accused. (See *Sarkar on Evidence* Twelfth Edn., p. 222).

Saya bersetuju sepenuh dengan pemerhatian yang diperturunkan di atas. Dengan yang demikian adalah perlu bagi Mahkamah meneliti keterangan yang dikemukakan kepada Mahkamah. Pihak pendakwa memanggil kesemuanya 13 orang saksi di dalam perbicaraan untuk membuktikan bahawa percakapan yang diberikan oleh tertuduh kedua adalah dibuat dengan sukarelanya. Tertuduh kedua memberi keterangan mengatakan bahawa percakapan itu tidak diberikan secara sukarela dan untuk menyokong keterangannya telah memanggil tertuduh pertama sebagai saksinya.

Tertuduh kedua di dalam pemeriksaan utamanya di dalam perbicaraan dalam perbicaraan menyatakan sepertimana berikut:

Pada hari pertama sampai di Balai Polis Pasir Mas Insp. Jarrett bawa saya tempat pertanyaan, Kpl. Sabirin dah ada disitu dok baca surat. Kpl. Sabirin tanya saya, 'Kamu buat tak buat benda ini?' Saya kata tak tahu. Dia tampar saya. Insp. Jarrett kata, 'Tadi dah ngaku.' Mula-mula dia tampar saya sekali lepas itu dia suruh saya duduk bangun, lepas itu dia cekup saya di tulang selangka. Dia cekup saya beberapa kali lepas itu bawa saya naik van. Dia bawa saya ke Mahkamah. Insp. Kamaruddin tidak ada bersama pada masa itu. Pada masa itu hanya saya, Sabirin dan pemandu berada dalam van. Saya dibawa jumpa Insp. Kamaruddin diluar bilik Majistret. Insp. Kamaruddin ugut saya supaya jangan beritahu Majistret tentang saya dipukul. Saya tak berani bagi tahu Majistret sebab dah kena ugut. Kpl. Sabirin tunggu diluar bilik Majistret. Selepas jumpa Majistret, Insp. Kamaruddin serahkan saya balik kepada Kpl. Sabirin. Dia cekup di tulang selangka saya dan bawa saya balik ke Balai Polis Pasir Mas dengan van. Dia kata, kalau kamu tak ngaku kamu tidur atas air batu. Selepas saya dan Sabirin sampai di Balai Polis, Insp. Kamaruddin pun sampai. Saya tidak dimasukkan ke dalam lokap terus. Pada masa itu Insp. Kamaruddin dan Kpl. Kamaruddin dan Kpl. Sabirin pukul dan tumbuk saya. Dia sepak saya. Selepas En. Kamaruddin, Sabirin pula.

Insp. Kamaruddin ada kata 'Rohana dan Rafaeh dah bagi tahu aku dah. Aku dah tahu semua perkara ini tak usah nak tipu. Kalau kamu tak nak ngaku aku tahan kamu di pulau dan aku tambah-tambah lagi. Aku ada kuasa.'

Esok pagi saya diambil oleh Kpl. Sabirin dan Insp. Kamaruddin keluar. Mula saya tak tahu dia nak bawa saya ke mana cuma dia nak suruh ngaku cerita semalam. Lepas dia bawa saya jalan Insp. Kamaruddin bagi rokok dan dia cakap kamu ngakulah paling tidak pun aku hantar ke Henry Gurney dan aku ambil kamu jadi saksi kerajaan. Dia pujuk saya.

Dari apa yang dinyatakan oleh tertuduh kedua, terdapat unsur-unsur dorongan, ugutan dan janji yang datangnya dari seorang yang berkuasa supaya ia memberikan percakapan beramaran. Soal di sini, ialah bukannya samada cerita tertuduh kedua boleh dipercayai, tetapi lebih ringan dari itu, iaitu samada terdapatnya "A well-grounded suspicion based on the facts and surrounding circumstances ..." (sila lihat *Mohd Yusof lwn. PR* (di atas)). Setelah meneliti keterangan-keterangan pihak pendakwa terutamanya Insp. Kamaruddin, Kpl. Sabirin dan Insp. Rosli saya dapati bahawa pada keseluruhannya banyak perkara yang dinyatakan oleh tertuduh kedua adalah sama dengan apa yang dikatakan oleh mereka. Percanggahan hanyalah terdapat berhubung dengan kekasaran yang dikatakan dilakukan oleh pihak polis, serta ugutan, janji dan dorongan yang dikatakan dibuat oleh pihak polis. Pihak pendakwa menafikan sepenuhnya tentang perkara itu. Tetapi apabila dilihat lokap diari, stesyen diari dan juga daftar lokap yang dikemukakan oleh pihak pendakwa ada terdapat masa 20 minit sebelum tertuduh dibawa masuk ke dalam lokap semasa dia mula tiba dari Kuala Lumpur dan sekembalinya dari Mahkamah

Majistret. Di dalam masa inilah tertuduh kedua mengatakan ia telah dipukul dan sebagainya oleh pihak berkuasa. Apabila ditanya kenapa masa begitu lama untuk masuk lokap, jawapan yang diberikan ialah untuk periksa tertuduh dan buka kasut. Ini adalah, pada pendapat saya satu penjelasan yang lemah dan tidak boleh diterima. Biasanya seseorang tidak memerlukan lebih daripada 2 - 3 minit untuk memeriksa tertuduh dan membuka kasut.

Selain dari itu, mereka-mereka yang disebut oleh tertuduh kedua seperti Rafeah dan Rohana bukanlah satu omongan tertuduh. Mereka ini telah dipanggil oleh pihak pendakwa sebagai saksi-saksi pendakwa di dalam perbicaraan utama. Begitu juga dengan apa yang dikatakan telah dijanjikan oleh Insp. Kamaruddin untuk hantar tertuduh kedua ke Henry Gurney dan jadi saksi kerajaan tidaklah boleh ditolak begitu sahaja memandangkan tertuduh kedua pada masa itu berumur 18 tahun sahaja dan tidak ditangkap bersama-sama dengan dadah yang menjadi barang kes disini.

Satu lagi perkara yang perlu di beri pertimbangan, pada pendapat saya, ialah tentang keghairahan Insp. Kamaruddin meminta Insp. Rosli (pegawai perakam) untuk merakam percakapan amaran tertuduh kedua. Tertuduh kedua diterima olehnya pada pukul 1.00 tengahari, 2 Februari 1989 dan pada malam itu juga dia telah meminta Insp. Rosli merakamkan percakapan beramaran tertuduh kedua "dalam kadar yang segera". Seseorang mungkin bertanya kenapa perlu dibuat rakaman percakapan "dalam kadar yang segara" sedangkan Majistret telah memberikan tahanan selama 10 hari mulai 2 Februari 1989. Pada pendapat saya, ada timbul syak yang menasabah, bahawa pada 2 Februari 1989 tertuduh kedua telah bersetuju untuk mengaku sepertimana yang dikatakan oleh tertuduh dengan sebab itu ia perlu disegerakan.

Berdasarkan kepada apa yang saya nyatakan di atas saya berpendapat cerita tertuduh kedua tidak boleh diketepikan begitu sahaja, walaupun saksi-saksi polis tidak mengaku mengasarinya, berjanji, mengugut atau mendorongnya untuk membuat percakapan beramaran. Setelah meneliti keterangan-keterangan di dalam perbicaraan dalam perbicaraan, saya berpendapat ada unsur-unsur dorongan, ugutan dan janji yang datangnya dari pihak berkuasa. Dengan itu saya memutuskan bahawa pihak pendakwa telah gagal membuktikan tanpa sebarang keraguan yang menasabah bahawa percakapan yang diberikan oleh tertuduh kedua adalah diberi dengan rela oleh tertuduh.

Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas, saya telah menolak ID45 daripada diterima sebagai keterangan di dalam kes ini.

Terdapat Kes Prima Facie Atau Pun Tidak

Seperti saya nyatakan di atas diakhir kes pendakwa dan setelah mendengar hujah-hujah pengulung, Mahkamah telah memutuskan bahawa pihak pendakwa telah gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap kedua-dua tertuduh. Dengan itu Mahkamah membebaskan dan melepaskan kedua-dua tertuduh di atas pertuduhan pindaan.

Saya membuat keputusan ini berdasarkan, semata-mata, kepada kegagalan pihak pendakwa mengemukakan sebarang keterangan berhubung dengan penyimpanan barang kes semasa ianya berada di dalam simpanan Jabatan Kimia, Kuala Terengganu. Saya bersetuju dengan hujah pihak pembela bahawa kegagalan pendakwa mengemukakan keterangan itu telah menyebabkan terputusnya rangkaian keterangan yang serius.

Apa yang berlaku di dalam kes ini ialah, ahli kimia En. Mohan a/l K.P. Gangadharan (SP1) apabila dipanggil untuk memberi keterangan, telah menyatakan bahawa beliau telah menerima satu pakej daripada Insp. Ahmad Kamaruddin (SP8) pada kira-kira pukul 11.00 pagi, 12 Januari 1989. Seterusnya dia menyatakan:

> When I received the package I had written the lab No. KT 279/89, 12 January 1989. I examined the package submitted and found in it 3 plastic bags which I marked as E1, E2 and E3 respectively.

Mengikut En. Mohan lagi, pada 18 Mac 1989, pada kira-kira pukul 10 pagi, beliau telah memulangkan pakej itu dan satu laporan kimia kepada Insp. Ahmad Kamaruddin. Sepanjang keterangannya, En. Mohan tidak pernah ditanya tentang siapakah yang menyimpan barang kes, dimana ia disimpan dan adakah tempat simpanan itu berkunci. Semasa disoal balas oleh peguambela En. Mohan ada menyatakan bahawa terdapat 5 orang ahli kimia (termasuk beliau sendiri) yang berkelayakan untuk menjalankan pemeriksaan dan analisa berhubung dengan kes-kes dadah berbahaya di Jabatan Kimia, Kuala Terengganu.

Di sini bolehlah dirumuskan bahawa terdapat banyak lagi barang-barang kes lain yang berkaitan dengan kesalahan di bawah Akta yang dirujukkan ke Jabatan itu; dan selain dari En. Mohan ada lagi ahli-ahli kimia lain yang boleh menjalankan tugas-tugas pemeriksaan dan analisa dadah. Dengan itu kita tidak boleh menolak kemungkinan berlakunya pertukaran atau gangguan oleh orang-orang yang bekerja di Jabatan Kimia atau orang-orang luar jika langkah yang perlu tidak diambil untuk menjaga barang-barang kes dengan baik dan selamat. Di dalam kes ini pendakwa telah gagal mengemukakan keterangan-keterangan yang perlu untuk menunjukkan bahawa barang-barang kes telah dijaga dengan baik di Jabatan Kimia.

Jika dilihat kepada keterangan-keterangan pegawai penyiasat dan pegawai penjaga setor barang-barang kes, pihak pendakwa telah dengan teliti dan halusi sekali menyoal mereka tentang bagaimana barang-barang kes ini disimpan. Saya tak nampak sebab yang boleh membezakan diantara Jabatan Kimia dan pihak polis. Saya berpendapat, Jabatan Kimia adalah tidak terkecuali daripada tanggungjawab untuk menjaga barang-barang kes dengan baik dan selamat seperti yang dikehendaki daripada pihak penguatkuasa seperti polis dan kastam. Langkah-langkah penjagaan yang rapi diperlukan didalam kes-kes seperti ini memandangkan barang-barang kes seperti ganja tidak dapat dibezakan diantara satu sama lain dan dengan itu pertukaran boleh, dan mungkin berlaku.

Mahkamah di dalam hubungan ini sentiasa memberi perhatian yang berat terhadap keselamatan barang-barang kes seperti yang boleh dilihat di dalam kes *Teoh Hoe Chye lwn. PR* [1987] CLJ (Rep) 386. Didalam kes tersebut Mahkamah Agung telah mengenepikan keputusan Mahkamah Tinggi dengan alasan bahawa kegagalan pendakwa mengemukakan keterangan berhubung dengan penjagaan barang kes oleh Supt. Lum semasa barang itu berada di dalam jagaannya adalah parah kepada kes pendakwa. Di dalam kes tersebut Abdul Hamid, HB (Malaya) (pada masa itu) menyatakan di muka surat 388:

> ... There was no evidence adduced by the prosecution to show exactly what had happened to the exhibits between the time of handing over by Supt. Low to Supt. Lum and the subsequent examination by the chemist.
>
> The following question may be asked: what did Supt. Lum do with the exhibits after he received them from Supt. Low; where did he keep them; were they kept under lock and key; and did Supt. Lum return to Supt. Low the very same exhibit he received from Supt. Low. The answers to these questions are highly pertinent to a proper determination of the identity of the exhibits.

Seterusnya di muka surat yang sama beliau merumuskan:

> ... where a doubt as to the identity of an exhibit arises, a failure to adduce evidence to provide the necessary link in the chain of evidence would be fatal to the prosecution case.

Di dalam kes *Mohd Osman bin Pawan lwn PR* [1989] 1 CLJ (Rep) 108, sekali lagi soal identiti atau pengenalan barang kes dibangkitkan. Di dalam kes itu pihak perayu di dalam rayuannya telah menyatakan bahawa pendakwa telah gagal membuktikan pertalian keterangan yang berterusan berhubung barang kes yang menjadi subjek pertuduhan terhadap perayu.

Di dalam kes itu isu penting yang dibangkitkan ialah tentang cara mana barang kes telah disimpan oleh pendakwa sebelum ianya dikemukakan kepada Jabatan Kimia untuk pemeriksaan. Mahkamah Agung di dalam penghakimannya yang dibacakan oleh Mohamed Yusoff HMA di muka surat 111 menyatakan:

> It was also submitted that the evidence shows the shoddy manner the exhibits were kept in the customs strong room.
>
> We feel that the point was correctly taken by the appellant. In a serious case, such as this, it is pertinent to emphasize again that investigation officers should not treat the custody of exhibits lightly so as to leave a gap in the chain of evidence relating to the exhibits before their production to the Court.

Saya berpendapat, pandangan Mahkamah Agung di dalam kes itu adalah juga terpakai bagi ahli kimia yang juga bertanggungjawab di dalam penjagaan barang kes semasa ianya berada di Jabatan Kimia.

Di dalam kes *Abdullah lwn. PR* [1991] 1 CLJ (Rep) 5, isu identiti barang kes telah dibangkitkan. Di situ pendakwa telah tidak memanggil atau menawarkan seorang yang bertanggungjawab untuk menjaga barang kes sebagai saksi. Kegagalan tersebut merupakan salah satu alasan yang menyebabkan Mahkamah Agung mengenepikan sabitan terhadap perayu. Hashim Yeop A Sani HB (Malaya) di dalam penghakiman Mahkamah di m.s. 9 menegaskan:

> Tetapi fakta kes berbeza diantara satu dengan lain dan kewajipan pendakwa dalam satu-satu kes ialah untuk membuktikan kes itu dengan tidak menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah kepada Mahkamah. Kes hendaklah dibuktikan dengan kemas tanpa keraguan atau persoalan yang boleh dibangkitkan berkenaan dengan barang kes. Lihat juga *Teoh Hoe Chye v. PP* di m.s. 389. Janganlah ada didapati tali keterangan yang putus sehingga membawa kepada keraguan berkenaan dengan barang kes.

Begitu juga di dalam *Yeong Kia Heng lwn. PR* [1992] 1 CLJ (Rep) 372, isu identiti barang kes telah dibangkitkan oleh pihak perayu. Mahkamah telah meluluskan rayuan perayu dengan sebab terdapat keraguan tentang identiti barang kes. Gunn Chit Tuan HMA di dalam penghakiman Mahkamah di muka surat 375 menyatakan:

> Berdasarkan kepada keterangan yang tersebut di atas wujudlah satu keraguan yang serius berkenaan dengan identiti barang kes. Memandangkan kepada keterangan sebegini rupa berkenaan dengan identiti-identiti barang kes, perayu sememangnya tidak dikehendaki dipanggil untuk membela dirinya di atas pertuduhan itu.
>
> Bebanan membukti adalah berat dan beban membukti yang dipertanggungkan kepada pendakwa adalah berat. Tidak ada beban yang dipertanggungkan kepada seseorang yang dituduh untuk membuktikan ia tidak bersalah. Di dalam perbicaraan jenayah seseorang yang dituduh dibenarkan mengambil apa jua peluang untuk menonjolkan kecacatan pendakwaan. Kecacatan mengenai identiti barang kes adalah serius.

Daripada kes-kes di atas saya berpendapat, adalah perlu bagi pendakwa untuk membuktikan bahawa sepanjang masa sebelum barang kes dikemukakan kepada Mahkamah sebagai barang kes, ianya senantiasa berada di dalam jagaan yang baik dan selamat.

Di dalam kes ini tidak ada langsung keterangan yang dikemukakan oleh pendakwa tentang penjagaan barang kes semasa ianya berada di Jabatan Kimia selama tempuh lebih daripada dua bulan. Pada pendapat saya, adalah perlu bagi pendakwa mengemukakan keterangan sedemikian bagi menunjukkan bahawa barang kes adalah senantiasa dikawal daripada diusik atau dikendalikan oleh orang-orang lain atau daripada berlakunya pertukaran. Di dalam kes ini tidak ada langsung keterangan berhubung dengan perkara-perkara seperti: siapa yang menyimpan barang kes; di manakah ia disimpan dan adakah tempat itu berkunci. Pada pendapat saya keterangan berhubung dengan perkara itu adalah perlu bagi menyangkal sebarang keraguan yang ditimbulkan tentang identiti barang-barang kes. Jika diperhatikan di dalam kes *Teoh Hoe Chye lwn. PR* (di atas) barang kes hanya ditinggalkan dengan seorang Supt. Lum selama 2 jam 20 minit, kegagalan memanggilnya untuk menerangkan apakah yang berlaku kepada barang kes semasa tempoh tersebut telah dianggap parah kepada kes pendakwa.

Saya berpendapat lebih-lebih lagi di dalam kes ini, di mana barang kes telah diserahkan kepada penjagaan Jabatan Kimia atau lebih tepat lagi En. Mohan selama tempuh lebih daripada 2 bulan, oleh itu adalah perlu bagi pendakwa mengemukakan keterangan berhubung dengan penjagaan dan kawalan barang kes. Akhir sekali saya suka memetik kata-kata Abdul Hamid HB (Malaya) (pada masa itu) di dalam kes *Teoh Hoe Chye* (di atas) di muka surat 389:

> It behoves us to reiterate that the requirement of strict proof in a criminal case cannot be relaxed to any material gap in the prosecution evidence irrespective of whether the Court is otherwise convinced in its own mind of the guilt or innocence of an accused, its decision must be based on the evidence adduced and nothing else ...

Berdasarkan alasan-alasan di atas Mahkamah mendapati pendakwa gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap kedua-dua tertuduh dan seterusnya membebaskan mereka daripada tuduhan yang dikemukakan.

Also found at [1992] 4 CLJ 1819